

| | | | |
|-------------|---------------------------|------------|---------------|
| Headline | Pelatih SLIM jadi rebutan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | Language | Malay |
| Date | 24 Feb 2017 | Readership | 537,693 |
| Circulation | 179,231 | Page No | 14 |
| Section | Setempat | Journalist | Mahaizura Abd |
| ArticleSize | 748 cm ² | | |
| PR Value | RM 88,400 | | |



Pelatih SLIM jadi rebutan

■ **Skim latihan unik lahir graduan miliki kebolehpasaran tinggi**

Mahaizura Abd Malik

mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia satu-satu nya negara yang menyediakan platform untuk pencari kerja terutama graduan bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka dengan pendedahan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja menerusi Skim Latihan 1Malaysia (SLIM).

Ketua Sekretariat SLIM Norashikin Ismail berkata, keunikan skim diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada 2011 itu bukan saja mampu menyediakan latihan untuk melahirkan tenaga kerja berkualiti, malah setiap pelatih yang menyertai program itu turut menerima eluan dan perlindungan insurans serta perubatan.

“Tiada negara lain dalam dunia ini membayar anda semua (graduan) untuk mendapatkan latihan. Jika orang lain kena bekerja baru dibayar gaji, tetapi anda diberi eluan RM1,500 tak termasuk eluan lain semata-mata untuk dapatkan pengalaman dan ilmu menjadi pekerja berkualiti.

“Calon terpilih akan menjalani latihan kemahiran insaniah dan teknikal serta kemahiran bagaimana meningkatkan

keyakinan diri dan pendedahan suasana kerja seterusnya menjadi nilai tambah jika diserap majikan ke jawatan tetap selepas tamat latihan,” katanya.

Menurutnya, berdasarkan pengalaman terdahulu, bekas pelatih SLIM biasanya menjadi rebutan majikan berikutkan mereka lebih berkeyakinan dan mempunyai kemahiran termasuk komunikasi serta kepemimpinan mereka lebih terserlah.

“Industri di luar sana tahu kalau orang itu pernah masuk SLIM atau tidak sebab pelatih SLIM daripada pengalaman dan cara mereka menjawab soalan berlainan serta mempunyai tahap keyakinan tinggi apabila bercakap berbanding yang tidak pernah menyertainya.

SLIM

“Ada juga syarikat datang jumpa kami mahu calon pekerja tetap daripada mereka yang pernah mengikuti SLIM saja sebab mereka tahu boleh dapat bakat berkualiti,” katanya.

Katanya, walaupun pihaknya menguar-uarkan penganjuran SLIM masih ada segelintir graduan tidak menyedari kewujudan program ini, malah ber gegapan ia hanya sekadar latihan sedangkan

ia sebahagian daripada kaedah terbaik mendekati industri yang mengambil bahagian termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta.

“Kadangkala ada graduan tidak memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) yang bagus atau tidak mempunyai ijazah dalam bidang ‘seksi’ serta ada yang mempunyai kekurangan dalam komunikasi, resume ‘cut and paste’ dan tiada pemikiran analitikal.

“Sekiranya mahu membuat penyelidikan awal sebelum menjalani temu duga, saya rasa program temu duga seperti ini platform terbaik mendapatkan pengalaman dengan praktis temuduga dari satu tempat ke satunya (gerai syarikat).

“Di samping menawarkan pengalaman begitu di sini, calon berpeluang ditawar jawatan,” katanya.

Norashikin mengajak graduan di luar sana yang masih skeptikal dan masih meragui SLIM bangkit dan hadir ke program temu duga terbuka SLIM yang dianjurkan di seluruh negara dari Perlis hingga ke Sabah selepas ini.

“Selepas berjaya menganjurkan Temu Duga Terbuka Zon Tengah ini, SLIM dianjurkan di Pahang. Kami harap anak muda di

luar sana terutama graduan yang masih menganggur hadir di tempat persinggahan kami nanti.

“Tak pandai tak apa saya rasa banyak industri sudi mengajar, tetapi paling penting sikap dan jati diri untuk berjaya itu perlu ditanam dalam diri masing-masing.

“Jangan tudung jari kepada kerajaan kerana tak ber peluang, apabila peluang ada depan mata rebutlah,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Pengambilan Bakat Tenaga Nasional Berhad (TNB) Rina Sarif menasihati mereka yang mahu datang menjalani sesi temu duga supaya mempersiapkan diri dengan keyakinan diri dan sekurang-kurangnya tahu kemahiran asas berbahasa Inggeris.

“Calon yang datang temu duga bukan saja untuk TNB, tetapi ke syarikat lain pun jangan malu bercakap dan rasa rendah diri sebab setiap orang ada kelebihan tersendiri.

“Melalui pengalaman saya, ramai calon kurang keyakinan diri dan kurang kemahiran berbahasa Inggeris.

“Oleh itu, selain keyakinan diri mereka perlu ada asas berbahasa Inggeris kerana kebanyakan GLC sekarang ke arah globalisasi,” katanya.

| | | | |
|-------------|---------------------------|------------|---------------|
| Headline | Pelatih SL1M jadi rebutan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | Language | Malay |
| Date | 24 Feb 2017 | Readership | 537,693 |
| Circulation | 179,231 | Page No | 14 |
| Section | Setempat | Journalist | Mahaizura Abd |
| ArticleSize | 748 cm ² | | |
| PR Value | RM 88,400 | | |



“

Apabila mengetahui mengenai penganjuran program ini, saya tidak mahu lepaskan peluang bertemu dengan penemu duga secara langsung”

Aishah Ibrahim, 27



“

Nanti, saya mahu kumpul duit gaji bulanan untuk membawa ibu bapa menuaikan umrah”

Mohammad Nur Ariffin Yusoff, 24

| | | | |
|-------------|---------------------------|------------|---------------|
| Headline | Pelatih SL1M jadi rebutan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | Language | Malay |
| Date | 24 Feb 2017 | Readership | 537,693 |
| Circulation | 179,231 | Page No | 14 |
| Section | Setempat | Journalist | Mahaizura Abd |
| ArticleSize | 748 cm ² | | |
| PR Value | RM 88,400 | | |



“
 Saya rasa bertuah dipilih mengikuti program ini kerana saya bakal dilatih untuk menjadi tenaga kerja yang berkualiti”
P Vignesh, 26

“
 Program temu duga seperti ini platform terbaik mendapatkan pengalaman
Norashikin
”

“Selain keyakinan diri, mereka perlu ada asas berbahasa Inggeris kerana kebanyakan GLC sekarang ke arah globalisasi
Rina



| | | | |
|-------------|---------------------------|------------|---------------|
| Headline | Pelatih SL1M jadi rebutan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | Language | Malay |
| Date | 24 Feb 2017 | Readership | 537,693 |
| Circulation | 179,231 | Page No | 14 |
| Section | Setempat | Journalist | Mahaizura Abd |
| ArticleSize | 748 cm ² | | |
| PR Value | RM 88,400 | | |



GRADUAN mendaftarkan diri di kaunter pendaftaran SL1M.



GRADUAN meneliti jawatan kosong yang ditawarkan.

| | | | |
|--------------------|----------------------------------|-------------------|----------------------|
| Headline | Pelatih SL1M jadi rebutan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 24 Feb 2017 | Language | Malay |
| Circulation | 179,231 | Readership | 537,693 |
| Section | Setempat | Page No | 14 |
| ArticleSize | 748 cm² | Journalist | Mahaizura Abd |
| PR Value | RM 88,400 | | |



PENERANGAN lengkap
diberikan kepada
graduan yang
menghadiri temu duga.

ia
ka
in
ba
he

